

30 NOV 1996

Mahathir - Wawasan

ASEAN PERLU MEMANDANG MASA DEPAN, KATA DR MAHATHIR

JAKARTA, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata amatlah penting bagi Asean memandang masa depan bagi menentukan objektifnya.

"Kita harus mempunyai wawasan dan berusaha ke arah pencapaian sesetengah objektif itu," kata beliau pada persidangan media pada akhir Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di sini.

Dr Mahathir telah diminta menjelaskan mengenai pentingnya tahun 2020 sebagai Wawasan Asean yang dipersetujui oleh para pemimpin semasa sidang kemuncak sehari itu.

Beliau berkata memang baik bagi Asean untuk berusaha ke arah apa yang sepatutnya dicapai menjelang tahun 2020.

"Malaysia mempunyai wawasannya sendiri iaitu Wawasan 2020, itu keranan 2020 mencerminkan wawasan yang jelas," kata beliau. Malaysia telah menetapkan tahun 2020 untuk menjadi negara maju.

Pada pertemuan tidak rasmi itu, ketujuh-tujuh ketua kerajaan asean bertukar-tukar pandangan mengenai cadangan Wawasan Asean selepas 2003 dengan mengambil kira bahawa menjelang tempoh itu, Kawasan Perdagangan Bebas Asean telah wujud.

Mereka meminta para menteri memajukan Wawasan Asean ke arah tahun 2020 dan mengemukakan laporan ke sidang kemuncak tidak rasmi akan datang di Kuala Lumpur.

Sidang kemuncak tidak rasmi yang kedua akan diadakan serentak dengan ulangtahun ke-30 penubuhan Asean. -- BERNAMA

TM FAZ